

12 gagasan boleh dicapai

Pemimpin yakin manifesto Presiden dorong usaha capai kegemilangan

KUALA LUMPUR: Ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memperlihatkan kesungguhan Presiden Umno itu menerjemahkan 12 gagasan bagi membina masa depan negara dalam bentuk tindakan, kata Datuk Seri Najib Razak,

Timbalan Presiden Umno berkata, gagasan yang dijadikan manifesto pilihan raya umum lalu sehingga Barisan Nasional (BN) mencekapi kejayaan gemilang, jelas mahu diterjemahkan Abdullah dalam bentuk tindakan sehingga mencapai hasil diharapkan.

Katanya, ucapan Abdullah dibuat pada masa tepat, terus terang serta ikhlas terutama dalam menangani soal pentadbiran dalam negara pelbagai kaum serta peringatan mengenai wujudnya batas tertentu.

"Presiden mengingatkan kita mesti ada batas had kerana kita tidak

boleh membuat sesuatu yang boleh menimbulkan ketegangan kaum dan keadaan tidak tenteram dalam negara," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian perhimpunan agung parti.

Najib berkata, kontrak sosial yang disentuh Abdullah secara am tidak dipertikai parti komponen Barisan Nasional (BN) tetapi mungkin wujud sesetengah individu yang menyuarakan kritikan serta pandangan tertentu.

"Dasar parti komponen BN menjunjung kontrak sosial yang termaktub dalam perlembagaan dan dasar negara. Begitu juga pemimpin utama parti komponen BN. Mereka terikat dengan dasar secara kolektif dan tidak boleh menolak dasar," katanya.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri, percaya tidak ada pihak yang akan membuat kenyataan bercanggah dengan dasar dan keputu-

san yang dibuat BN serta kerajaan.

Mengenai isu yang dibangkitkan perwakilan pada perhimpunan agung Umno kali ini, Najib yakin kemampuan ahli parti membahaskan usul.

Katanya, 'perwakilan juga sudah mendapat isyarat bahawa mereka boleh melakukan teguran membina kerana Umno sentiasa mahu maklum balas ahli untuk dijadikan input bagi penambahbaikan keputusan dasar kerajaan.

Bagaimanapun, Najib berkata, terpulanglah kepada kerajaan sama ada untuk menerima atau tidak perkara yang disuarakan perwakilan.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata semua pihak seharusnya menjadikan ucapan Abdullah sebagai peringatan untuk tidak mengambil kesempatan dengan sikap keterbukaan Perdana Menteri.

"Presiden mengingatkan semua pihak bahawa walaupun Pak Lah bersikap terbuka, jangan timbulkan perkara yang sudah kita asaskan dengan kukuh sehingga menimbulkan ketegangan kaum. Ini pendirian tegas beliau. Umno sentiasa mempertahankan hak orang Melayu," katanya.'

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ucapan bernas Presiden dapat meningkatkan keyakinan rakyat dan orang Melayu mengenai apa yang dilakukan kerajaan berdasarkan 12 teras membina masa depan negara.

Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, berkata konsep keterbukaan amalan Perdana Menteri turut bertujuan mematangkan demokrasi.

"Ini ingatan supaya tidak ada pihak yang terlanjur atau bersikap tidak bertanggungjawab... semuanya mesti

secara berhemah," katanya.

Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata imbasan terhadap 12 gagasan itu akan mengingatkan apa yang sudah, sedang dan akan dilakukan kerajaan serta menjawab tohmahan pihak tertentu.

"Saya beri markah cukup tinggi jika ucapan itu boleh dianggap 'report card' pencapaian Perdana Menteri dalam menjalankan tugas selepas tiga tahun," katanya.

Rafidah yang jugd Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), berkata penjelasan Abdullah juga menyangkal dakwaan ekonpmi tidak baik dan pentadbiran tidak telus.

"Individu mahupun media juga kena gunakan keterbukaan ini untuk saling membantu, memberi panduan dan pandangan supaya sentiasa memperbaiki keadaan dengan memberi syor membina," katanya.